

BAJET 2016

Naikkan cukai tembakau bendung merokok

Demi menjaga kesihatan rakyat negara ini buat jangka panjang, adalah penting supaya barangan yang boleh mengundang kepada masalah kesihatan diberi peningkatan cukai berterusan.

Antara barangan yang boleh difikirkan kerajaan sempena pembentangan Bajet 2016 hujung bulan ini ialah barangan berasaskan tembakau, terutama yang digunakan untuk membuat rokok.

Umum mengetahui bahaya akibat aktiviti merokok terutama dari sudut kesihatan. Bahaya bukan sahaja kepada perokok, tetapi juga orang sekeliling yang terpaksa menghidu asap rokok.

Pelbagai usaha dilakukan kerajaan terutama melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang selama ini banyak memberi pendedahan serta kesedaran mengenai bahaya merokok selain as-

pek penambahbaikan dari sudut perundangan sedia ada bagi membendung budaya merokok dalam kalangan rakyat.

Penambahan zon larangan merokok

Antara aspek penambahbaikan penguatkuasaan dilakukan baru-baru ini ialah penambahan bilangan zon larangan merokok seperti termaktub mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 324).

Walaupun pelbagai usaha dilakukan bagi membendung isu ketagihan merokok, namun masih ramai pihak yang mengambil mudah serta memandang ringan isu merokok.

Tidak keterlaluan jika dikatakan aktiviti merokok seakan menjadi satu budaya oleh pihak yang gemar merokok. Lebih malang lagi, aktiviti merokok melular dalam di kalangan remaja

yang bersekolah.

Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kepada remaja terbahit sudah terdedah dengan bahaya ketagihan merokok pada usia muda. Mereka begitu berani dan tiada segan silu untuk merokok di tempat awam.

Walaupun wujud undang-undang membendung penjualan rokok bagi golongan bawah umur, namun isu penjualan rokok dalam kalangan golongan ini masih belum dapat dikawal. Oleh yang demikian, sampai masanya langkah lain diambil bagi membendung isu penjualan serta ketagihan rokok.

Langkah peningkatan cukai bagi barangan berasaskan tembakau perlu diberi perhatian serius kerajaan. Jika cukai terhadap rokok dinaikkan, sudah pasti harga rokok akan dinaikkan. Jika harga rokok dinaikkan, rakyat akan mula berfikir banyak kali sebelum membeli rokok.

Cadangan kenaikan cukai terhadap rokok bukan sesuatu yang baharu, malah pelbagai pihak berasa ia perlu dilaksanakan supaya tabiat merokok dapat ditangani dengan berkesan.

Kebanyakan pihak berkenaan berasa penguatkuasaan tegas mengenai isu terbabit hanya boleh dilaksanakan melalui kaedah percukaian selain penguatkuasaan peruntukan undang-undang sedia ada.

Kes penyeludupan rokok

Tidak dapat dinafikan, jika cukai ke atas rokok dinaikkan maka ia secara tidak langsung akan mengundang masalah peningkatan kegiatan penyeludupan rokok haram. Oleh itu, pihak berkaitan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu aktif melakukan operasi menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada mengikut Akta Kastam 1967 (Akta 235).

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

Mana-mana individu yang didapati memiliki rokok seludup boleh didakwa melalui Akta 235 mengikut Seksyen 135(1)(d) yang boleh membawa hukuman denda maksimum 20 kali nilai barang atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)